

# Kg Darau aset pelancongan komuniti

UMS, DBKK sepakat anjur Kursus Pembangunan Pakej Pelancongan dan E-Pemasaran

Oleh Yap Siong Han

UB 27.10.2021 P. 04

**KOTA KINABALU:** Kampung Darau berpotensi dikembangkan sebagai destinasi pelancongan berasaskan komuniti.

Kampung berkenaan menarik minat pelbagai pihak sebagai destinasi pelancongan selepas pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) membuat Audit Potensi Produk Pelancongan secara rasmi pada tahun lepas.

Berikutan itu, Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan bersama Jabatan Pembangunan Pelancongan Bandar, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menganjurkan Kursus Pembangunan Pakej Pelancongan dan E-Pemasaran untuk komuniti Kampung Darau, Inanam.

Usaha itu dilakukan sebagai sebahagian daripada inisiatif pembangunan kapasiti kepada komuniti oleh DBKK dalam mempersiapkan mereka untuk memulakan aktiviti pelancongan.

Seramai 32 komuniti Kg. Darau telah menyertai kursus berkenaan yang telah dirasmikan oleh Pengarah Jabatan Kemajuan Pelancongan Bandaraya, DBKK Fauziah Ag. Samad.

Dua pensyarah UMS turut dijemput berkongsi pengeta-



**ANAN**

huan dan idea mereka dengan komuniti Kg. Darau dengan menunjuk ajar para peserta cara untuk mengembangkan pakej pelancongan serta membuat e-pemasaran berdasarkan dengan pelan mereka untuk membangunkan program pelancongan.

Ketua Program Pengurusan Pelancongan di UMS Profesor Madya Dr. Awangku Hassan Bahar Pengiran Bagul juga salah seorang penceramah jemputan memberi bimbingan dalam perancangan pakej pelancongan untuk Kg. Darau dengan mengenal pasti serta membincangkan potensi tarikan pelancongan, aktiviti, akses, penginapan dan kemudahan di kawasan berkenaan.

Penceramah jemputan Dr. Kelvin Yong, memberi taklimat alat e-pemasaran yang berkesan yang terkini dan sesuai dengan pelancongan berasaskan komuniti.



**KENANGAN:** Gambar kenangan dirakamkan selepas program diadakan.

Beliau juga membimbing komuniti Kg. Darau dalam pengendalian aplikasi media sosial tertentu dalam memasarkan produk pelancongan ke pasaran pada masa hadapan.

Kursus ini diakhiri dengan penyampaian sijil kepada para peserta dan ucapan penutup daripada Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Kg Darau Anan Usuh.

"Banyak input dan idea telah diberikan kepada masyarakat untuk persiapan kita sebelum menerima pengunjung atau pelancong, termasuk produk pelancongan dan kraf yang sedia ada di mana ia memerlukan lebih banyak inovasi dan promosi.



**BERI PANDUAN:** Awangku Hassanal ketika menyampaikan ceramah.

"Selain itu, masyarakat juga diberi ceramah mengenai kaedah penting untuk e-pemasaran kerana kita sangat menyedari bahawa dunia hari ini hanya dihujung jari kita dan

platform media sosial seperti Facebook, Instagram dan Tik Tok berguna untuk mempromosikan Kg. Darau sebagai sebuah destinasi pelancongan akan datang," katanya.